

# Semua pihak digesa terus utama keharmonian, perpaduan kaum

Genggam erat tali permuafakatan selaras konsep MADANI capai kejayaan bersama

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan dalam mengejar arus pembangunan negara, keharmonian dan perpaduan masih perlu diutamakan.

Perdana Menteri berkata, tidak dilupakan juga, usaha yang perlu dilaksanakan semua pihak bagi membentuk kestabilan pentadbiran negara.

"Roh ihsan yang sentiasa memerangkap kepentingan mengasihi, menghormati dan menghargai sesama warga masa semasa perlu terus dijulang dalam memacu pembangunan bersama-sama.

"Ini selaras dengan konsep MADANI yang menuntut kita semua untuk menggenggam erat tali permuafakatan dalam men-

jayakan agenda pembangunan dan kemajuan negara, baik untuk hari ini dan juga hari mendatang," katanya dalam mesej sambutan Hari Wilayah Persekutuan semalam.

Anwar turut mengucapkan selamat menyambut ulang tahun buat seluruh warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Moga kesatuan dan kebersamaan yang ada ini terus berkekalan dengan hendak-Nya," katanya.

Wilayah Persekutuan ditubuhkan pada 1 Februari 1974 apabila Kuala Lumpur yang dahulunya, sebahagian daripada Selangor diserahkan Sultan Selangor ketika itu, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, kepada Kerajaan Persekutuan untuk dijadikan ibu negara dan ditadbir secara langsung.

Labuan pula diangkat menjadi Wilayah Persekutuan kedua pada 1984, diikuti Putrajaya pada 2001.

Ketiga-tiga wilayah ini kini ditadbir di bawah tanggungjawab Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dengan setiap wilayah ditadbir pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi Kuala Lumpur, Perbadanan La-



Bendera Wilayah Persekutuan dikibarkan sekitar Dataran Merdeka sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan, semalam (Foto Asyraf Hamzah/BH)

buhan (Labuan) dan Perbadanan Putrajaya (Putrajaya).

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata sambutan yang mengangkat tema 'Wilayah Persekutuan Kita' menggambarkan nilai keharmonian, semangat kebersamaan dan kerjasama erat dalam memacu pembangunan bersama.

"Marilah kita bersama-sama menyemarakkan lagi nilai-nilai perpaduan, kesefahaman dan keharmonian dalam kalangan kita supaya terus utuh dan padu demi mendepani apa jua cabaran mendatang.

"Ayuh! Bersama-sama kita memacu pembangunan 'Wilayah Persekutuan Kita'," katanya.

Dr Zaliha pula mengajak warga

Wilayah Persekutuan berpegang kepada nilai kemanusiaan dan kasih sayang selaras dengan konsep MADANI yang membawa semangat baharu kepada penghuninya.

Katanya, tidak ada makna jika tinggal di Kota besar tetapi penghuninya tidak ada nilai-nilai itu.

Justeru, katanya, penduduk di Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya perlu membuktikan bahawa kemajuan bukan hanya mengenai bangunan yang megah, tetapi berkaitan nilai-nilai yang dipegang erat, iaitu nilai ketamadunan MADANI yang kita junjung.

"Kita jaga tradisi, kita pelihara budaya, kita semai perpaduan, di mana pun kita berada, kita adalah warga yang punya tanggungjawab bersama untuk memastikan wilayah ini terus mak-

mur, aman dan sejahtera.

Dalam pada itu, Dr Zaliha berkata, DBKL menyediakan kira-kira 3,000 lot tapak bazar Ramadan di kawasan seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Katanya, pelaksanaan pemberian lesen termasuk penyelenggaraannya sudah hampir selesai, malah sudah diberikan taklimat berkenaan bazar Ramadan itu.

"Ia bertujuan memastikan operasi perniagaan sepanjang tempoh itu dapat berlangsung secara lebih teratur dan tersusun," katanya selepas Hari Terbuka Pertanian Bandar dan Kelulut Putrajaya (HTPBKP)2025 di Taman Botani, di sini semalam.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil menyeru masyarakat khususnya warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan untuk terus berganding bahu memastikan kemajuan yang diraih negara ketika ini dapat diteruskan serta memberi manfaat kepada generasi akan datang.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai menerusi hantaran di Facebook sempena sambutan itu berkata Wilayah Persekutuan menjadi simbol kepada kemakmuran Malaysia.

"Hari ini (semalam) kita memperingati penubuhan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Wilayah Persekutuan bukan sahaja pusat kepada pembangunan negara, tetapi juga simbol perpaduan dan kemakmuran Malaysia," katanya.

## Roh ihsan yang sentiasa menekankan

kepentingan mengasihi, menghormati dan menghargai sesama warga nusa dan bangsa perlu terus dijulang dalam memacu pembangunan bersama-sama

Anwar Ibrahim,  
Perdana Menteri



Pelancong asing mengunjungi sekitar Kuala Lumpur sempena Hari Wilayah Persekutuan, semalam. (Foto bernama)



Motosikal Vespa dipamerkan di ruang legar Menara MARA pada Vesparudin Fest sempena Hari Wilayah, semalam. (Foto bernama)